



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSENTIF CUKAI UNTUK SYARIKAT
BERSTATUS BIONEXUS**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2020

TARIKH PENERBITAN: 22 MEI 2020

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Kedua

Edisi Pertama pada 9.10.2018

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pendahuluan	4
5. Syarikat Berstatus BioNexus	4
6. Insentif Cukai	5
7. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri	31
8. Layanan ke atas Kerugian yang Dialami oleh Syarikat Berstatus BioNexus	32
9. Potongan bagi Penggalakan Eksport	33
10. Potongan bagi Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan	34
11. Ketidakpakaian	35
12. Penarikan Balik Pengecualian Cukai	36
13. Pematuhan Akta Cukai Pendapatan 1967	36
14. Pindaan dan Kemaskini	36
15. Penafian	38

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai berhubung dengan insentif cukai untuk Syarikat Berstatus BioNexus (BNX) di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 8, 33, 34A, 43, 44, Jadual 3 dan Jadual 7A.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
 - 2.3.1 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [*P.U. (A) 371/2007*];
 - 2.3.2 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [*P.U. (A) 372/2007*];
 - 2.3.3 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2009 [*P.U. (A) 156/2009*];
 - 2.3.4 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [*P.U. (A) 374/2007*];
 - 2.3.5 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2009 (Pindaan) 2018 [*P.U. (A) 381/2018*]; dan
 - 2.3.6 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 (Pindaan) 2018 [*P.U. (A) 395/2018*].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aktiviti yang layak” bermaksud suatu aktiviti sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual dalam P.U. (A) 371/2007 dan diluluskan oleh Menteri, dan aktiviti tersebut adalah-
 - (a) bioteknologi industri;

- (b) bioteknologi penjagaan kesihatan; dan
 - (c) bioteknologi pertanian.
- 3.2 “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) seperti yang ditentukan di bawah seksyen 8 ACP.
- 3.3 “Hak harta intelek” bermaksud suatu hak yang timbul daripada paten, inovasi dan penemuan utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, proses atau formula dan pengetahuan rahsia, petunjuk geografi dan pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan dan hak-hak lain yang serupa, sama ada berdaftar atau boleh daftar.
- 3.4 “Syarikat Berstatus BioNexus” bermaksud suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang terlibat dalam perniagaan sains kehidupan.
- 3.5 “Hak harta intelek yang baharu” bermaksud hak harta intelek yang berkaitan dengan aktiviti yang layak BNX yang-
- (a) menjadi pemilikan BNX pada atau selepas 1.7.2018; atau
 - (b) menjadi pemilikan BNX selepas 16.10.2017 tetapi sebelum 1.7.2018 akibat daripada perolehan oleh BNX, secara langsung atau tidak langsung daripada syarikat berkaitan.
- 3.6 “Pendapatan yang boleh dikenakan cukai” berhubung dengan seseorang dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.7 “Pendapatan berkanun” (PB) berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.8 “Pendapatan larasan” berhubung dengan suatu punca dan suatu tempoh asas, bermaksud pendapatan larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.9 “Perbelanjaan bangunan yang layak” (PBL) bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembinaan atau pembelian bangunan di bawah perenggan 3 Jadual 3 ACP tetapi tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan-bangunan yang digunakan untuk penyimpanan atau sebagai tempat kediaman yang diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian.

3.10 “Perbelanjaan modal yang layak” (PML) bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas suatu aset yang digunakan di Malaysia bagi maksud perniagaan baharu atau projek pembesaran, mengikut mana-mana yang berkenaan-

- (a) berhubung dengan pengilangan atau penyelidikan berasaskan pengilangan, kilang, bangunan yang digunakan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*R&D*), loji dan jentera; atau
- (b) berhubung dengan pertanian atau penyelidikan berasaskan pertanian, pembersihan dan penyediaan tanah, menanam tanaman (penanaman pertama atau penanaman tanaman percubaan), penyediaan sistem pengairan atau saliran, penyediaan loji dan jentera, pembelian atau pembinaan suatu bangunan yang digunakan untuk aktiviti *R&D*, atau aktiviti pertanian (termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan atau tempat kediaman orang-orang yang bekerja di ladang), pembinaan jalan akses, jambatan dan apa-apa penambahbaikan struktur tetap atas tanah yang terbentuk sebagai sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi perniagaan itu;

Dengan syarat bahawa perbelanjaan modal yang layak itu tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman, loji dan jentera yang disediakan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian.

3.11 “Perniagaan baharu” bermaksud aktiviti yang layak yang pertama yang dijalankan oleh sebuah BNX.

3.12 “Projek pembesaran” bermaksud projek yang dijalankan oleh BNX dalam memperluaskan aktiviti yang layak sedia ada dan perniagaan itu-

- (a) tidak diberikan (tetapi sebaliknya untuk P.U. (A) 374/2007 telah diberikan) pengecualian di bawah P.U.(A) 371/2007 atau P.U.(A) 372/2007; dan

- (b) melibatkan pelaburan baharu.

3.13 “Sains kehidupan” yang memenuhi kehendak dalam subperenggan 3(1A) P.U. (A) 371/2007 bermaksud mana-mana daripada beberapa cabang sains seperti biologi, perubatan, antropologi atau ekologi, yang berurusan dengan organisma hidup dan organisasinya, proses kehidupannya, dan hubungan di antara satu sama lain dan alam sekitarnya.

- 3.14 "Syarikat berkaitan" mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].

4. Pendahuluan

Dasar Bioteknologi Kebangsaan (DBK) untuk pembangunan bioteknologi mampan di Malaysia telah dilancarkan pada tahun 2005. Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn Bhd (Perbadanan Bioekonomi) telah ditubuhkan sebagai agensi pelaksana profesional dan khusus untuk-

- (a) memimpin pembangunan industri berasaskan bio di Malaysia, di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA); dan
- (b) melaksanakan objektif DBK dan bertindak untuk mengenal pasti nilai cadangan dalam *R&D* dan perdagangan, serta menyokong usaha ini melalui pemberian bantuan kewangan dan perkhidmatan pembangunan.

5. Syarikat Berstatus BioNexus

5.1 Status BioNexus

Status BioNexus adalah status istimewa yang dianugerahkan kepada syarikat bioteknologi berkeelayakan yang menjalankan aktiviti bioteknologi nilai tambah atau sains kehidupan. Sebuah syarikat yang telah dianugerahkan Status BioNexus akan dapat menikmati insentif fiskal, bantuan dana pembiayaan dan faedah lain bagi membantu pertumbuhan syarikat.

5.2 Permohonan untuk Status BioNexus dan insentif cukai

Semua permohonan untuk Status BioNexus dan insentif cukai mestilah dikemukakan kepada Perbadanan Bioekonomi. Perbadanan Bioekonomi telah diamanahkan untuk menilai dan mengesahkan permohonan untuk insentif cukai bagi BNK mengikut kaedah-kaedah cukai pendapatan dan perintah pengecualian yang berkaitan. Status BioNexus dan insentif pengecualian cukai adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Maklumat lanjut mengenai Perbadanan Bioekonomi dan Garis Panduan Status BNK boleh diperolehi di laman web Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn Bhd di www.bioeconomycorporation.my.

5.3 Insentif harta bukan intelek untuk BNK

- (a) Pengecualian cukai untuk BNK yang diluluskan

Sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia yang telah diluluskan sebagai sebuah BNX adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai, berkaitan dengan perniagaan baharu atau projek pembesaran sama ada berkenaan dengan-

- (i) PB di bawah P.U. (A) 371/2007 dan P.U (A) 395/2018; atau
- (ii) PB bersamaan dengan elaun 100% PML yang dilakukan di bawah P.U. (A) 372/2007.

untuk beberapa tahun taksiran (TT) yang dinyatakan mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang dinyatakan di atas.

(b) Pengecualian lanjutan

Selepas TT yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5.3 (a) di atas telah berakhir, BNX yang diluluskan boleh diberi pengecualian cukai lebih lanjut ke atas pendapatan berkanunnya daripada aktiviti bioteknologi yang layak untuk tempoh sepuluh (10) TT berturut-turut di bawah P.U. (A) 156/2009 dan P.U. (A) 381/2018. PB yang dikecualikan akan dikira berdasarkan formula tertentu.

(c) Elaun bangunan industri

BNX juga boleh menuntut elaun bangunan industri untuk bangunan yang digunakan semata-mata untuk aktiviti yang layak pada kadar 10% setahun di bawah P.U. (A) 374/2007.

6. Insentif Cukai

6.1 Pengecualian cukai ke atas PB

- (a) PB daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran BNX yang diluluskan**

Sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia yang terlibat dalam perniagaan sains kehidupan dan diluluskan sebagai BNX boleh menikmati pengecualian cukai berhubung dengan -

- (i) perniagaan baharu, untuk tempoh sepuluh (10) TT berturut-turut, berhubung dengan PB bermula dari TT pertama syarikat itu memperoleh PB daripada perniagaan baharu itu; atau
- (ii) projek pembesaran, untuk tempoh lima (5) TT berturut-turut, berkaitan dengan PB daripada aktiviti yang layak sedia ada dan

projek pembesaran, bermula dari TT pertama syarikat itu memperoleh PB daripada aktiviti yang layak sedia ada dan projek pembesaran dan TT pertama tidak boleh lebih awal daripada TT berkaitan dengan tempoh asas di mana tarikh kelulusan Menteri bermula.

Walau bagaimanapun, pengecualian untuk projek pembesaran hanya diberikan jika syarikat itu tidak diberi pengecualian untuk aktiviti yang layak sedia ada di bawah P.U. (A) 372/2007 dan perniagaan itu melibatkan pelaburan baharu.

[Sepuluh (10) TT berturut-turut atau lima (5) TT berturut-turut disebut sebagai "TT dikecualikan"].

Untuk tujuan KU ini, "pelaburan baharu" bermaksud pelaburan modal tambahan untuk aktiviti yang layak sedia ada yang akan meningkatkan kapasiti pengeluaran sedia ada atau menghasilkan produk berkaitan dalam industri yang sama.

Untuk maklumat lanjut, mohon rujuk kepada Garis Panduan Insentif yang diberikan kepada BNX dan Garis Panduan Rangka Kerja 3.0 Status Bionexus (Pendapatan Bukan Harta Intelektual) yang dikeluarkan oleh Perbadanan Bioekonomi .

(b) Kehendak aktiviti penting

Sebagai ahli projek *Inclusive Framework Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) / G20 Base Erosion and Profit Shifting (BEPS)*, syarikat BNX di Malaysia perlu memenuhi kriteria tambahan tertentu dalam mematuhi kehendak *Forum on Harmful Tax Practices (FHTP)*. Sehubungan itu, P.U. (A) 371/2007 telah dipinda oleh P.U. (A) 395/2018 dan kehendak aktiviti penting telah diperkenalkan bagi melayakkan BNX mendapat pengecualian cukai. Berkuat kuasa mulai 16.10.2017, BNX hendaklah memenuhi kehendak aktiviti penting berikut bagi menikmati pengecualian cukai:

- (i) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa dan berpengetahuan yang mencukupi di Malaysia untuk menjalankan aktiviti yang layak; dan
- (ii) melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi yang diluluskan untuk menjalankan aktiviti yang layak, atau pelaburan dalam harta tetap yang mencukupi yang diluluskan di Malaysia untuk menjalankan aktiviti yang layak.

BNX perlu mengemukakan permohonan kepada Bioeconomy Corporation berhubung kehendak aktiviti penting yang harus dipenuhi oleh BNX untuk melayakkan BNX mendapat pengecualian cukai.

(c) Peraturan *grandfathering*

Bagi BNX sedia ada yang telah menikmati pengecualian cukai, peraturan *grandfathering* telah diperuntukkan untuk permulaan kehendak aktiviti penting. BNX yang sedia ada perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi berhubung dengan kehendak aktiviti penting untuk terus menikmati pengecualian cukai selepas tempoh peraturan *grandfathering* berakhir. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tidak kurang daripada enam (6) bulan sebelum hari pertama tempoh asas tahun taksiran di mana pemakaian kehendak aktiviti penting berkuat kuasa. Tarikh kuat kuasa permulaan pemakaian kehendak aktiviti penting adalah seperti berikut:

- (i) jika BNX telah diberikan pengecualian pada atau sebelum 16.10.2017, kehendak aktiviti penting tidak terpakai kepada BNX sehingga 30.6.2021. Dalam erti kata lain, BNX yang telah diberikan pengecualian pada atau sebelum 16.10.2017 perlu memenuhi kehendak aktiviti penting mulai 1.7.2021.
- (ii) jika BNX menjalankan aktiviti yang layak yang baharu selepas 16.10.2017, kehendak aktiviti penting tidak akan terpakai dan BNX akan diberikan pengecualian berhubung dengan aktiviti yang layak yang baharu itu sehingga 31.12.2018. Dalam erti kata lain, BNX yang menjalankan aktiviti yang layak yang baharu selepas 16.10.2017 dan telah diberikan pengecualian sehingga 31.12.2018, perlu memenuhi kehendak aktiviti penting mulai 1.1.2019.
- (iii) jika BNX telah diberikan pengecualian selepas 16.10.2017, kehendak aktiviti penting tidak akan terpakai kepada BNX sehingga 31.12.2018. Dalam erti kata lain, BNX yang telah diberikan pengecualian selepas 16.10.2017 perlu memenuhi kehendak aktiviti penting mulai 1.1.2019.

(d) Tidak mengambil kira pendapatan harta intelek (IP) bagi insentif cukai

Secara umumnya, dalam mematuhi kehendak FHTP, royalti dan pendapatan lain yang terbit daripada hak IP tidak lagi diberi insentif cukai. Dalam menentukan PB sebuah BNX untuk tujuan pengecualian cukai, royalti dan pendapatan lain yang diperolehi daripada hak IP telah tidak diambil kira daripada skop pengecualian cukai. Tarikh permulaan

kuat kuasa pendapatan IP yang tidak diambil kira daripada PB BNX yang dikecualikan adalah seperti berikut:

- (i) Berkuat kuasa mulai 1.7.2018 sehingga 30.6.2021

Royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak IP baharu yang dimiliki oleh BNX atau di mana BNX adalah pemegang lesen hak itu.

- (ii) Berkuat kuasa mulai 1.7.2021

Royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada semua hak IP yang dimiliki oleh BNX atau di mana BNX adalah pemegang lesen hak itu.

Dengan kata lain, pendapatan IP di atas tidak layak untuk pengecualian cukai dan tertakluk kepada cukai di bawah ACP.

- (e) Ilustrasi untuk menunjukkan pengecualian cukai yang terpakai bagi perniagaan baharu dan projek pembesaran

A. Senario bagi perniagaan baharu

Contoh 1 : Syarikat memulakan perniagaan

Agro Sdn Bhd memulakan perniagaannya pada tahun 2010 dan terlibat dalam aktiviti bioteknologi yang layak. Syarikat telah mendapat Status BioNexus dalam TT 2010 dan memperoleh PB pertama dalam TT 2013. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Status pengecualian cukai adalah seperti berikut:

- (a) TT 2013

Oleh sebab Agro Sdn Bhd memperoleh PB daripada perniagaan baharunya, berhubung dengan aktiviti bioteknologi yang layak buat kali pertama dalam TT 2013, sepuluh (10) TT dikecualikan berturut-turut bermula dari TT 2013 sehingga TT2022. Pasca TT dikecualikan adalah dari TT 2023 seterusnya.

- (b) berkuat kuasa mulai 16.10.2017 – kehendak aktiviti penting


Sejajar dengan pengenalan kehendak aktiviti penting, peraturan *grandfathering* memperuntukkan bahawa jika pengecualian cukai telah diberikan pada atau sebelum 16.10.2017, kehendak tersebut terpakai mulai 1.7.2021. Oleh sebab syarikat itu diberi

pengecualian cukai (dari TT 2013 hingga 2022) sebelum 16.10.2017, ia perlu mematuhi kehendak aktiviti penting seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.1(b) KU ini, bermula daripada 1.7.2021.


Syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi berhubung dengan kehendak aktiviti penting untuk terus layak mendapat pengecualian cukai sehingga TT 2022. Memandangkan tarikh 1.7.2021 berada dalam tempoh asas 1.1.2021 hingga 31.12.2021 (TT 2021) maka syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi pada atau sebelum 1.7.2020. Sekiranya ia tidak memenuhi kehendak aktiviti penting mulai 1.7.2021, pengecualian cukai akan berakhir pada TT 2020. TT yang dikecualikan adalah daripada TT 2013 hingga 2020. TT 2021 dan seterusnya akan dianggap sebagai pasca TT dikecualikan

Nota : Sekiranya syarikat menutup akaunnya pada 31 Mac setiap tahun, tarikh kuat kuasa kehendak aktiviti penting iaitu 1.7.2021 akan berada dalam tempoh asas 1.4.2021 sehingga 31.3.2022 (TT 2022). Oleh itu, syarikat dikehendaki untuk mengemukakan permohonannya kepada Perbadanan Bioekonomi pada atau sebelum 1.10.2020.

**TT Dikecualikan and Pasca TT Dikecualikan
(Kehendak aktiviti penting dipenuhi bermula 1.7.2021)**



**TT Dikecualikan and Pasca TT Dikecualikan
(Kehendak aktiviti penting tidak dipenuhi bermula 1.7.2021)**



Contoh 2 : Syarikat memulakan aktiviti yang tidak layak dan kemudian menjalankan R&D dalam aktiviti bioteknologi yang layak

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali Agro Sdn Bhd tidak terlibat dalam sebarang aktiviti bioteknologi yang layak. Dalam tahun 2011, syarikat itu menjalankan R&D dalam aktiviti bioteknologi yang layak dan memohon Status BioNexus yang kemudian diberikan dalam TT 2012. Aktiviti bioteknologi yang layak adalah layak sebagai perniagaan baharu dan syarikat itu memperoleh PB pertama dalam TT 2013.

Status pengecualian cukai adalah seperti berikut:

(a) TT 2013

Oleh sebab Agro Sdn Bhd memperoleh PB daripada aktiviti bioteknologi yang layak yang baharu buat kali pertama dalam TT 2013, maka sepuluh (10) TT berturut-turut bermula dari TT 2013 hingga TT 2022. Pasca TT dikecualikan adalah dari TT 2023 dan seterusnya.


(b) Berkuat kuasa mulai 16.10.2017 – Kehendak aktiviti penting

Sejajar dengan pengenalan kehendak aktiviti penting, peraturan *grandfathering* memperuntukan bahawa jika pengecualian cukai telah diberikan pada atau sebelum 16.10.2017, kehendak tersebut terpakai mulai 1.7.2021. Oleh sebab syarikat itu telah diberi pengecualian cukai (dari TT 2013 hingga 2022) sebelum 16.10.2017, ia perlu memenuhi kehendak aktiviti penting seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 (b) KU ini bermula dari 1.7.2021.


Syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi berhubung dengan kehendak aktiviti penting untuk terus layak mendapat pengecualian cukai sehingga TT 2022. Memandangkan tarikh 1.7.2021 berada dalam tempoh asas 1.1.2021 hingga 31.12.2021 (TT 2021) maka, syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi pada atau sebelum 1.7.2020.

Sekiranya ia tidak memenuhi kehendak aktiviti penting dari 1.7.2021, pengecualian cukai akan berakhir pada TT 2020. TT dikecualikan adalah daripada TT 2013 hingga 2020. TT 2021 dan seterusnya akan dianggap sebagai pasca TT dikecualikan.

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(Kehendak aktiviti penting dipenuhi mulai 1.7.2021)**



**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(Kehendak aktiviti penting tidak dipenuhi mulai 1.7.2021)**



Contoh 3 : Syarikat memulakan aktiviti bioteknologi yang layak dan seterusnya menjalankan aktiviti bioteknologi yang layak tambahan yang baharu

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali Agro Sdn Bhd tidak diberi Status BioNexus pada tahun 2010 kerana syarikat tidak memohon status tersebut. Pada 31.10.2017, syarikat menjalankan aktiviti bioteknologi yang layak tambahan yang baharu dan memohon status BioNexus. Syarikat itu diberikan status BioNexus pada tahun yang sama. Aktiviti bioteknologi yang layak tambahan yang baharu yang tidak berkaitan dengan aktiviti bioteknologi sedia ada adalah merupakan aktiviti yang layak pertama dan layak sebagai perniagaan baharu. Syarikat itu memperoleh PB pertama dalam TT 2018.

Status pengecualian cukai adalah seperti berikut:

- (a) Berkuat kuasa mulai 16.10.2017 - Pengecualian cukai untuk aktiviti yang layak yang baharu

Sejajar dengan pengenalan kehendak aktiviti penting, peraturan *grandfathering* memperuntukkan bahawa apabila pengecualian cukai telah diberikan selepas 16.10.2017 untuk aktiviti bioteknologi yang layak yang baharu, pengecualian tersebut hanya akan diberikan sehingga 31.12.2018. Kehendak aktiviti penting akan terpakai berkuat kuasa mulai 1.1.2019.


Memandangkan syarikat menjalankan aktiviti bioteknologi yang layak yang baharu selepas 16.10.2017 dan memperoleh PB pertama untuk tahun kewangan berakhir 31.12.2018, syarikat hanya diberikan pengecualian cukai untuk TT 2018 sahaja. TT yang dikecualikan hanya bagi TT 2018 sahaja.

- (b) Berkuat kuasa mulai 16.10.2017 - kehendak aktiviti penting


Syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi berhubung dengan kehendak aktiviti penting untuk terus layak mendapat pengecualian cukai sehingga TT 2027.

Kehendak aktiviti penting mesti dipenuhi mulai 1.1.2019. Memandangkan tarikh 1.1.2019 berada dalam tempoh asas 1.1.2019 hingga 31.12.2019 (TT 2019), maka syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi pada atau sebelum 1.7.2018. Sekiranya syarikat tidak memenuhi kehendak aktiviti penting mulai 1.1.2019, pengecualian cukai adalah hanya untuk TT 2018 sahaja. TT 2019 dan seterusnya akan dianggap sebagai pasca TT dikecualikan.

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(BNX menjalankan aktiviti bioteknologi yang layak yang baharu
selepas 16.10.2017 dan kehendak aktiviti penting dipenuhi
mulai 1.1.2019)**



**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(BNX menjalankan aktiviti bioteknologi yang layak yang baharu selepas
16.10.2017 dan kehendak aktiviti penting tidak dipenuhi mulai 1.1.2019)**



B. Senario Projek Pembesaran

Contoh 4 : Syarikat memulakan aktiviti bioteknologi yang layak dan seterusnya membesarkan aktiviti bioteknologi yang layak sedia ada

Chromos Industries Sdn Bhd memulakan perniagaannya pada tahun 2010 dan terlibat dalam aktiviti bioteknologi yang layak. Pada tahun 2014, syarikat itu membesarkan aktiviti bioteknologi yang layak dan memohon status BioNexus. Syarikat itu telah mendapat status BioNexus dalam tahun yang sama. Pembesaran aktiviti bioteknologi yang layak sedia ada merupakan projek pembesaran dan layak untuk pengecualian berkaitan dengan PB daripada aktiviti bioteknologi yang layak sedia ada dan projek pembesaran. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat itu memperoleh PB pertamanya dalam TT 2014.

Status pengecualian cukai adalah seperti berikut:

(a) TT 2014


Oleh sebab syarikat itu memperoleh PB daripada aktiviti bioteknologi yang layak sedia ada dan projek pembesaran mulai TT 2014, maka lima (5) TT berturut-turut bermula dari TT 2014 hingga TT 2018. Pasca TT yang dikecualikan adalah mulai TT 2019 dan seterusnya.

(b) Berkuat kuasa mulai 16.10.2017 – Kehendak aktiviti penting

Sejajar dengan pengenalan kehendak aktiviti penting, peraturan *grandfathering* memperuntukkan bahawa jika pengecualian cukai telah diberikan pada atau sebelum 16.10.2017, kehendak tersebut akan terpakai berkuat kuasa mulai 1.7.2021

Oleh sebab syarikat telah diberikan pengecualian cukai sebelum 16.10.2017 (TT 2014 hingga TT 2018), kehendak aktiviti penting seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 (b) KU ini tidak terpakai kerana tempoh pengecualian cukai berakhir sebelum 1.7.2021 (iaitu TT 2018).

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(Tempoh pengecualian berakhir sebelum kehendak aktiviti penting berkuat kuasa)**



Contoh 5 : Syarikat memulakan aktiviti bioteknologi yang layak dan seterusnya membesarkan aktiviti bioteknologi yang layak sedia ada

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 4 kecuali Chromos Industries Sdn Bhd membesarkan aktiviti bioteknologi yang layak pada 18.10.2017 dan telah diberikan status BioNexus pada tahun yang sama. Syarikat itu memperoleh PB yang pertama termasuk pendapatan IP dalam TT 2018.

Status pengecualian cukai adalah seperti berikut:

- (a) Mulai 16.10.2017 – Pengecualian cukai diberikan selepas 16.10.2017

Sejajar dengan pengenalan kehendak aktiviti penting, peraturan *grandfathering* memperuntukkan bahawa apabila pengecualian cukai telah diberikan selepas 16.10.2017 untuk aktiviti bioteknologi yang layak, pengecualian hanya diberikan sehingga 31.12.2018. Kehendak aktiviti penting akan terpakai berkuat kuasa mulai 1.1.2019.

Oleh sebab syarikat membesarkan aktiviti bioteknologi yang layak selepas 16.10.2017, dan memperoleh PB pertama daripada aktiviti bioteknologi yang layak sedia ada dan projek pembesaran untuk tahun kewangan berakhir 31.12.2018, syarikat telah diberikan pengecualian cukai untuk TT 2018 sahaja. TT dikecualikan hanya TT 2018 sahaja.

- (b) Berkuat kuasa mulai 16.10.2017 – Kehendak aktiviti penting

Sejajar dengan pengenalan kehendak aktiviti penting, peraturan *grandfathering* memperuntukan bahawa jika pengecualian cukai telah diberikan selepas 16.10.2017, kehendak tersebut adalah terpakai berkuat kuasa mulai 1.1.2019. Oleh sebab syarikat diberi pengecualian cukai (iaitu TT 2018) selepas 16.10.2017, syarikat perlu mematuhi kehendak aktiviti penting seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 (b) KU ini mulai 1.1.2019.


Syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi berhubung dengan kehendak aktiviti penting untuk terus layak mendapat pengecualian cukai bagi lima (5) TT berturut-turut sehingga TT 2022. Memandangkan tarikh 1.1.2019 berada dalam tempoh asas 1.1.2019 hingga 31.12.2019 (TT 2019), maka syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi pada atau sebelum 1.7.2018.

Sekiranya syarikat tidak memenuhi kehendak aktiviti penting mulai 1.1.2019, pengecualian cukai berakhir pada TT 2018. TT dikecualikan hanya untuk TT 2018 sahaja. TT 2019 dan seterusnya akan dianggap sebagai pasca TT dikecualikan.


- (c) Tidak mengambil kira pendapatan IP daripada insentif cukai

Berkuat kuasa mulai 1.7.2021, royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada semua hak IP yang dimiliki oleh BNX atau di mana BNX adalah pemegang lesen hak itu adalah tidak lagi dikecualikan. Memandangkan tarikh 1.7.2021 berada dalam tempoh asas TT 2021, maka sebarang pendapatan IP yang diperoleh dalam TT 2021 dan TT 2022 adalah tidak diambil kira bagi tujuan pengecualian yang dinikmati oleh syarikat. Pendapatan IP adalah tertakluk kepada cukai di bawah ACP dari TT 2021 seterusnya.

**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(Kehendak aktiviti penting dipenuhi dan pendapatan IP adalah
tertakluk kepada cukai)**



**TT Dikecualikan dan Pasca TT Dikecualikan
(Kehendak aktiviti penting tidak dipenuhi dan
pendapatan IP tertakluk kepada cukai)**



6.2 Pengecualian cukai ke atas PB bersamaan dengan elaun 100% perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan

Sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia yang terlibat dalam perniagaan sains kehidupan dan diluluskan sebagai BNX boleh menikmati pengecualian cukai berkenaan dengan PB yang terbit daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran, bersamaan dengan elaun 100% PML yang dilakukan dalam tempoh asas untuk suatu TT dalam tempoh lima (5) tahun.

Tarikh permulaan tempoh pengecualian ditentukan oleh Perbadanan Bioekonomi dan berhubung dengan –


- (a) perniagaan baharu, tarikh PML pertama yang dilakukan dan tarikh itu ialah:
 - (i) tidak lebih awal daripada 1.5.2005; atau
 - (ii) tiga (3) tahun dari tarikh kelulusan sebagai BNXyang mana terkemudian; atau
- (b) projek pembesaran, pada tarikh PML pertama dilakukan dan tarikh itu tidak lebih awal dari tarikh permohonan diterima oleh Perbadanan Bioekonomi.

Walau bagaimanapun, pengecualian untuk projek pembesaran hanya diberikan sekiranya syarikat tidak diberikan pengecualian untuk aktiviti yang layak sedia ada yang diluluskan di bawah P.U. (A) 371/2007 dan perniagaan itu melibatkan pelaburan baharu.

Contoh 6 : Perniagaan baharu melakukan perbelanjaan modal

Fakta yang sama seperti Contoh 3 tetapi Agro Sdn Bhd tidak memohon dan tidak diberi pengecualian cukai di bawah P.U. (A) 371/2007. Syarikat telah melakukan perbelanjaan modal berjumlah RM500,000 pada 1.4.2017. Syarikat kemudian memohon status BioNexus dan pengecualian cukai di bawah P.U. (A) 372/2007 pada 15.4.2017 dan telah diluluskan pada 1.5.2017. Perbadanan Bioekonomi menentukan tarikh PML pertama yang dilakukan ialah pada 1.4.2017.

Tempoh Pengecualian




Oleh sebab Perbadanan Bioekonomi telah menentukan tarikh PML pertama yang dilakukan adalah pada 1.4.2017, elaun 100% PML terhadap PB diberikan untuk tempoh lima (5) tahun iaitu daripada 1.4.2017 hingga 31.3.2022. Memandangkan 1.4.2017 berada dalam tempoh asas untuk TT 2017, maka tempoh pengecualian berada dalam TT 2017 hingga 2022.

Contoh 7 : Projek pembesaran

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 4 kecuali Chromos Industries Sdn Bhd memperbesarkan aktiviti bioteknologi yang layak dalam tahun 2019 dan telah diberikan status BioNexus pada tahun yang sama. Syarikat tidak diberikan pengecualian di bawah P.U. (A) 371/2007. Syarikat telah memohon pengecualian cukai di bawah P.U. (A) 372/2007 pada 15.2.2017 dan permohonan telah diluluskan pada 1.3.2017. Syarikat melakukan perbelanjaan modal berjumlah RM600,000 pada 1.2.2019. Perbadanan Bioekonomi menentukan tarikh PML pertama yang dilakukan adalah pada 1.2.2019.

Tempoh pengecualian



Perbadanan Bioekonomi telah menentukan tarikh PML pertama yang dilakukan adalah pada 1.2.2019, maka elaun 100% PML terhadap PB diberikan untuk tempoh lima (5) tahun iaitu dari 1.2.2019 hingga 31.1.2024. Memandangkan 1.2.2019 berada dalam tempoh asas untuk TT 2019, maka tempoh pengecualian berada dalam TT 2019 hingga 2024

Contoh 8

ABJZ Sdn Bhd (ABJZ) menjalankan aktiviti bioteknologi yang diluluskan dengan membeli loji dan jentera pada 1.4.2015. ABJZ memohon status Bionexus pada 2.1.2017. Syarikat memperoleh kelulusan sebagai BNx dan diberikan pengecualian cukai di bawah P.U. (A) 372/2007 pada 1.6.2017. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Perbadanan Bioekonomi menentukan tarikh permulaan perniagaan syarikat adalah pada 1.3.2017 dan tarikh PML pertama dilakukan adalah pada 1.4.2015.

Perbelanjaan modal yang dilakukan oleh ABJZ adalah seperti berikut:

	Perkara	TT 2015 RM	TT 2016 RM	TT 2017 RM
(a)	Loji dan Jentera	2,100,000 ¹	3,000,000 ²	2,000,000 ³
(b)	Perabot & Lekapan	100,000	50,000	20,000
(c)	Kenderaan	300,000	250,000	200,000
	Jumlah	2,500,000	3,300,000	2,220,000

Pendapatan larasan ABJZ adalah seperti berikut:

Perkara	TT 2017 RM	TT 2018 RM	TT 2019 RM
Pendapatan larasan /(Rugi)	(2,500,000)	6,250,000	7,000,000
Elaun Modal	364,000	580,000	324,000

	RM	TT 2017 RM	TT 2018 RM	TT 2019 RM
Pendapatan larasan /(Rugi)		(2,500,000)	6,250,000	7,000,000
Tolak:				
Elaun Modal			364,000	Tiada
- b/h			580,000	324,000
- tahun semasa		Tiada		
Pendapatan berkanun (PB)		Tiada	5,306,000	6,676,000
Less:				
PML bagi tujuan pengecualian⁴			5,306,000 ⁵ (terhad)	1,794,000 ⁶
PB / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai			Tiada	4,882,000
Cukai kena dibayar @ 24%			Tiada	1,171,680

⁴Pengiraan PML (loji dan jentera)				
TT 2015 ¹	2,100,000			
TT 2016 ²	3,000,000			
	5,100,000			
TT 2017 ³ (tidak diserap)	2,000,000			
	7,100,000			
Tolak:				
TT 2018 (terhad)	5,306,000 ⁵			
	1,794,000			
Tolak:				
TT 2019	1,794,000 ⁶			
	Nil			

^{1,2}Nota

Perbadanan Bioekonomi telah menentukan bahawa tarikh permulaan perniagaan syarikat adalah pada 1.3.2017 dan tarikh PML pertama yang dilakukan adalah pada 1.4.2015. Oleh itu, PML disifatkan dilakukan dalam TT 2017 (iaitu TT bermulanya perniagaan).

Oleh sebab Perbadanan Bioekonomi telah menentukan tarikh PML pertama yang dilakukan adalah pada 1.4.2015, maka elaun 100% PML terhadap PB diberikan untuk tempoh lima (5) tahun iaitu dari 1.4.2015 hingga 31.3.2020. Memandangkan 1.4.2015 berada dalam tempoh asas untuk TT 2015 dan 31.3.2020 berada dalam tempoh asas untuk TT 2020, maka tempoh pengecualian itu berada dalam TT 2015 hingga 2020.

6.3 Pengecualian cukai lanjutan ke atas PB

- (a) Pengecualian cukai lanjutan ke atas pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak yang baharu yang lain

Sebuah BNX yang telah menikmati sama ada pengecualian PB atau pengecualian PB bersamaan dengan elaun 100% PML yang dilakukan semasa tempoh pengecualian boleh menikmati insentif lanjutan. BNX

tersebut boleh dilanjutkan pengecualian daripada bayaran cukai pendapatan dengan tertakluk kepada cukai pada kadar bersamaan dengan 20% ke atas PB BNX yang diperoleh daripada aktiviti yang layak (perniagaan baharu atau projek pembesaran) untuk tempoh sepuluh (10) TT berturut-turut selepas tempoh pengecualian berakhir. PB yang dikecualikan ditentukan mengikut formula berikut:

$$\frac{A \times C}{B}$$

Di mana:

- A adalah jumlah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai BNX daripada aktiviti yang layak pada kadar cukai semasa yang dikurangkan dengan jumlah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar dua puluh peratus (20%);
- B adalah jumlah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada aktiviti yang layak pada kadar cukai semasa; dan
- C adalah jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada aktiviti yang layak.

PB yang dikecualikan ditentukan selepas menolak elaun yang boleh dibuat di bawah Jadual 3 ACP walaupun tiada tuntutan untuk elaun tersebut telah dibuat.

Sekiranya aset yang digunakan untuk tujuan aktiviti yang layak turut digunakan untuk tujuan perniagaan selain daripada aktiviti yang layak, maka elaun yang boleh dibuat di bawah Jadual 3 ACP akan ditolak secara munasabah dengan mengambil kira sejauh mana aset tersebut digunakan untuk tujuan aktiviti yang layak.

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai berhubung dengan aktiviti yang layak untuk TT adalah PB selepas ditolak kerugian yang dibawa ke hadapan berhubung dengan aktiviti itu [subseksyen 43(2) ACP].

(b) Peraturan *Grandfathering*

Peraturan *grandfathering* telah diperuntukkan untuk kehendak aktiviti penting seperti yang dijelaskan dalam perenggan 6.1 (b) KU ini.

(c) Tidak mengambil kira pendapatan IP bagi insentif cukai

Tarikh permulaan pendapatan IP tidak diambil kira daripada PB yang dikecualikan adalah seperti yang dijelaskan dalam perenggan 6.1 (d) KU ini.

Contoh 9


CPCB Sdn Bhd (CPCB) adalah sebuah BNX dan tempoh pengecualiannya di bawah P.U. (A) 371/2007 berakhir dalam TT 2022. CPCB telah memperoleh kelulusan lanjutan pengecualian cukai iaitu kadar cukai konsesi di bawah P.U. (A) 156/2009 daripada Menteri Kewangan berkuat kuasa mulai TT 2023 untuk aktiviti yang layak yang baharu.

Untuk tujuan contoh ini, diandaikan bahawa syarikat –

- (a) telah memenuhi kehendak aktiviti penting yang berkuat kuasa mulai 1.7.2021;
- (b) telah membuat permohonan kepada Perbadanan Bioekonomi sebelum tarikh permohonan berakhir; dan
- (c) menikmati pengecualian di bawah P.U. (A) 371/2007 sehingga TT 2022.

CPCB telah diberikan lanjutan pengecualian dari TT 2023 hingga 2032 kerana telah memenuhi kehendak aktiviti penting.

TT Dikecualikan dan Lanjutan TT Dikecualikan



Pendapatan larasan CPCB adalah seperti berikut:

Perkara	TT 2023 RM	TT 2024 RM	TT 2025 RM
Pendapatan larasan	2,500,000	3,250,000	5,000,000
Elaun modal	100,000	250,000	200,000

Pengiraan Pendapatan yang Boleh Dikenakan Cukai

Perkara	TT 2023 RM	TT 2024 RM	TT 2025 RM
Pendapatan larasan	2,500,000	3,250,000	5,000,000
Tolak:			
Elaun modal	100,000	250,000	200,000
PB	2,400,000 ⁸	3,000,000 ¹⁰	4,800,000 ¹²
Tolak:			
Pengecualian cukai⁷	400,000⁹	500,000¹¹	800,000¹³
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	2,000,000	2,500,000	4,000,000
Cukai kena dibayar @ 24%	480,000	600,000	960,000

⁷Nota

Kadar cukai semasa ialah 24%.

(a) **TT 2023**

$$\frac{[(RM2.4\text{juta}^8 \times 24\%) - (RM2.4\text{juta}^8 \times 20\%)]}{RM2.4\text{juta}^8 \times 24\%} \times RM2.4\text{juta}^8 = RM400,000^9$$

(b) **TT 2024**

$$\frac{[(RM3\text{juta}^{10} \times 24\%) - (RM3\text{juta}^{10} \times 20\%)]}{RM3\text{juta}^{10} \times 24\%} \times RM3\text{juta}^{10} = RM500,000^{11}$$

(c) **TT 2025**

$$\frac{[(RM4.8\text{juta}^{12} \times 24\%) - (RM4.8\text{juta}^{12} \times 20\%)]}{RM4.8\text{juta}^{12} \times 24\%} \times RM4.8\text{juta}^{12} = RM800,000^{13}$$

Contoh 10

CPC Sdn Bhd (CPC) memperoleh status BioNexus dalam TT 2010 dan memperoleh PB pertama dalam TT 2011. Tempoh pengecualiannya di bawah P.U. (A) 371/2007 berakhir dalam TT 2020. CPC telah memperoleh pengecualian cukai lanjutan iaitu kadar cukai konsesi di bawah P.U. (A) 156/2009 daripada Menteri Kewangan berkuat kuasa mulai YA 2021 untuk aktiviti yang layak yang baharu. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun dan PB syarikat termasuk pendapatan IP.

Status pengecualian lanjutan adalah seperti berikut:


(a) **TT 2021**

CPC tidak perlu memenuhi kehendak aktiviti penting untuk menikmati pengecualian di bawah P.U. (A) 371/2007 sehingga TT 2020. Ini kerana CPC telah diberikan pengecualian sebelum 16.10.2017 dan kehendak aktiviti penting hanya berkuat kuasa mulai 1.7.2021, iaitu selepas TT yang dikecualikan iaitu TT 2020. CPC perlu memenuhi kehendak aktiviti penting sekiranya CPC ingin diberi lanjutan pengecualian dari TT 2021 hingga 2030.

(b) Tidak mengambil kira pendapatan IP bagi pengecualian cukai

Berkuat kuasa mulai 1.7.2018, royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak IP yang baharu yang dimiliki oleh BNx atau di mana BNx adalah pemegang lesen hak itu adalah tidak lagi dikecualikan. Sehubungan itu, pendapatan IP CPC dikenakan cukai di bawah ACP.

TT Dikecualikan dan Lanjutan TT Dikecualikan



7. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri

7.1 Elaun modal

PB perniagaan baharu atau projek pembesaran dalam tempoh asas bagi setiap TT yang dikecualikan akan ditentukan selepas menolak elaun modal walaupun tiada tuntutan untuk elaun sedemikian dibuat.

Di mana aset digunakan untuk tujuan perniagaan baharu atau projek pembesaran, mengikut mana yang berkenaan, dan pada masa yang sama juga digunakan untuk tujuan perniagaan selain daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran, elaun modal aset tersebut akan dikurangkan sewajarnya dengan mengambil kira sejauh mana aset itu digunakan untuk tujuan perniagaan baharu atau projek pembesaran tersebut.

Dalam keadaan ketiadaan atau kekurangan pendapatan larasan untuk suatu TT, jumlah elaun tidak diserap boleh dibawa ke hadapan dan ditolak dalam:

- (a) TT pertama yang berikutnya yang mana syarikat itu mempunyai PB daripada perniagaan baharu atau projek pembesaran; dan
- (b) TT berikutnya sehingga jumlah tersebut diserap sepenuhnya.

7.2 Elaun bangunan industri

BNX juga boleh menuntut elaun bangunan perindustrian (EBI) pada kadar 10% ke atas perbelanjaan bangunan layak yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu TT sepertimana yang dinyatakan dalam (P.U.(A) 374/2007).

Sekiranya PBL dilakukan sebelum perniagaan baharu atau projek pembesaran baharu dimulakan, ia akan dianggap telah dilakukan pada tarikh permulaan perniagaan atau projek.

Tarikh PBL pertama yang dilakukan ditentukan oleh Perbadanan Bioekonomi dan tarikhnya adalah tidak lebih awal daripada 2.9.2006.

Jika PML BNX dilakukan ke atas aset atau bangunan industri yang digunakan untuk tujuan perniagaan baharu atau projek pembesaran dan asetnya dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh siap atau perolehan aset itu, amaun elaun yang telah dibenarkan ke atas aset atau bangunan industri itu akan ditarik balik dalam tahun pelupusan.

Contoh 11

Pada 15.4.2017, Ingrid Research Sdn Bhd (IRSB) sebuah BNX yang diluluskan telah diberikan insentif sebagai BNX dan tarikh permulaan perniagaan untuk IRSB adalah pada 19.10.2017. Pada 20.1.2016, IRSB

membeli bangunan makmal yang lengkap dengan peralatan bernilai RM3.5 juta untuk digunakan sepenuhnya bagi aktiviti R&D. Akaun IRSB ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Pada 31.12.2018, IRSB melupuskan bangunan itu dengan harga RM5 juta.

Pengiraan EBI bermula dari TT 2017 (tahun perniagaan bermula) dan EBI untuk TT 2017 adalah RM350,000 (10% x RM3.5 juta). PBL disifatkan telah dilakukan dalam TT 2017 iaitu apabila perniagaan itu dimulakan.

Bagi TT 2018, IRSB tidak layak menuntut EBI. EBI yang dibenarkan dalam TT 2017 ditarik balik dan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada PB IRSB (dengan mengenakan kenaan imbalan dalam TT 2018, iaitu tahun apabila bangunan itu dilupuskan).


8. Layanan ke atas Kerugian yang dialami oleh Syarikat Berstatus Bionexus

Apa-apa kerugian yang dialami sebelum TT dikecualikan bermula (iaitu selepas bermulanya perniagaan baharu atau projek pembesaran) dan dalam tempoh pengecualian, boleh dibawa ke TT selepas tempoh pengecualian berakhir dan akan ditolak daripada PB perniagaan baharu atau projek pembesaran sehingga ia diserap sepenuhnya.

Layanan atas kerugian dibawa ke hadapan di bawah subseksyen 43(2) dan kerugian tahun semasa di bawah subseksyen 44(2) ACP tidak terpakai kepada BNX berhubung dengan kerugian yang telah ditolak.

Contoh 12

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1. Kerugian terkumpul sebanyak RM3,000 (TT 2010 hingga TT 2012) sebelum TT dikecualikan dan kerugian RM1,000 (TT 2014) yang dialami semasa TT dikecualikan boleh dibawa ke hadapan untuk pasca TT dikecualikan. Oleh itu, kerugian terkumpul sebanyak RM4,000 akan ditolak daripada PB mulai TT 2023.



9. Potongan untuk Penggalakan Eksport

Apa-apa perbelanjaan hasil di bawah seksyen 33 ACP yang dilakukan berhubung dengan penggalakkan eksport di bawah seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 (APP) adalah layak diberi potongan dan hendaklah dituntut dalam TT perbelanjaan itu dilakukan.

Bagi tujuan insentif cukai BNX, perbelanjaan hasil di bawah seksyen 33 ACP berhubung dengan penggalakkan eksport yang tersenarai di bawah seksyen 41 APP layak diberi potongan tambahan dan hendaklah dikumpul untuk diserap dalam TT selepas tempoh pengecualian tamat.

Contoh 13

Alexis Sdn Bhd telah diberikan status BioNexus untuk perniagaan baharu pada 1 Januari 2014. Tempoh pengecualian 10 tahun di bawah P.U. (A) 371/2007 bermula pada TT 2014 dan akan berakhir pada TT 2023. Syarikat layak mendapat potongan perbelanjaan untuk penggalakkan eksport di bawah seksyen 41 APP seperti berikut:

TT	RM
2015	25,000
2017	50,000
2021	15,000
Jumlah	90,000

Bagi tujuan contoh ini, syarikat diandaikan telah memenuhi kehendak aktiviti penting pada 1.7.2021 untuk terus layak pengecualian sehingga TT 2023.

Syarikat dibenarkan untuk membuat potongan amaun di atas di bawah seksyen 33 ACP dalam TT yang berkenaan. Jumlah terkumpul potongan tambahan sebanyak RM90,000 boleh digunakan dalam TT 2024, TT pertama selepas TT dikecualikan dan TT berikutnya sehingga jumlah itu diserap sepenuhnya.

10. Potongan bagi Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan

Sebarang perbelanjaan R&D yang dilakukan berhubung dengan aktiviti R&D yang layak yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 34A ACP layak diberi potongan dua (2) kali dan hendaklah dituntut dalam TT perbelanjaan tersebut dilakukan.

Bagi tujuan insentif cukai BNX, potongan bagi perbelanjaan R&D hendaklah dikumpul dan layak diberi potongan dalam TT selepas tempoh pengecualian tamat. Ini untuk memastikan manfaat potongan cukai dapat dinikmati oleh BNX kerana potongan yang diberikan dalam TT selepas tamat tempoh pengecualian akan mengurangkan pendapatan larasan TT tersebut. Walau bagaimanapun, amaun perbelanjaan yang layak diberi potongan adalah bersamaan dengan amaun perbelanjaan R&D yang dilakukan.

Contoh 14

Binbai Sdn Bhd diberikan Status BioNexus pada 1.1.2013. TT dikecualikan di bawah P.U. (A) 371/2007 bermula dari TT 2013 dan akan berakhir pada TT 2022. Syarikat telah melakukan perbelanjaan berikut untuk aktiviti R&D yang diluluskan oleh Menteri:

TT	RM
2015	35,000
2017	10,000
2021	15,000
Jumlah	60,000

Bagi tujuan Contoh ini, syarikat dianggap telah memenuhi kehendak aktiviti penting pada 1.7.2021 untuk terus layak menikmati pengecualian sehingga YA2022.

Syarikat tidak dibenarkan untuk menuntut amaun di atas dalam TT yang berkenaan. Jumlah terkumpul sebanyak RM60,000 boleh digunakan dalam TT 2023, iaitu TT pertama selepas TT dikecualikan dan TT berikutnya.

11. Ketidapkakaian

Insentif cukai di bawah P.U. (A) 371/2007 dan P.U. (A) 372/2007 ini tidak terpakai kepada:

- (a) suatu perniagaan baharu atau suatu projek pembesaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bermula selepas satu tahun dari tarikh kelulusan atau selepas tempoh lanjutan lain yang diluluskan oleh Menteri;
- (b) sebuah syarikat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang telah diberikan-
 - (i) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun bagi Peningkatan Eksport) 1999 [*P.U. (A) 128/1999*];
 - (ii) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing) 2003 [*P.U. (A) 310/2003*];
 - (iii) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan) 2006 [*P.U. (A) 55/2006*];
 - (iv) pengecualian atas nilai peningkatan eksport di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2005 [*P.U. (A) 158/2005*];
 - (v) elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A ACP;
 - (vi) mana-mana insentif (kecuali potongan bagi penggalakan eksport) di bawah APP;
 - (vii) pengecualian bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [*P.U. (A) 51/2006*];
 - (viii) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 40) 2005 [*P.U. (A) 307/2005*];
 - (ix) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 41) 2005 [*P.U. (A) 308/2005*];

- (x) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 42) 2005 [P.U. (A) 309/2005];
- (xi) pengecualian bagi syarikat modal teroka di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2005 [P.U. (A) 75/2005];
- (xii) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U. (A) 76/2005]; atau
- (xiii) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [P.U. (A) 373/2007].

12. Penarikan Balik Pengecualian Cukai

Sekiranya BNX gagal mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri Kewangan berhubung dengan pengecualian cukai, Menteri Kewangan berhak menarik balik semua pengecualian cukai pendapatan yang telah diberikan,

13. Pematuhan Akta Cukai Pendapatan 1967

Syarikat yang diluluskan tidak dilepaskan daripada mematuhi sebarang kehendak untuk mengemukakan sebarang penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan ACP.

14. Pindaan dan Kemas kini

KU ini menggantikan KU No. 8/2018 bertarikh 9 Oktober 2018.	Pindaan	
	Kandungan dalam KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Penjelasan
2		Sub perenggan 2.2 dipinda. Sub sub perenggan baharu 2.3.5 dan 2.3.6 dimasukkan.
	3	Sub perenggan baharu 3.3, 3.5, 3.12 dan 3.13 dimasukkan. Sub perenggan terdahulu 3.7, 3.8 dan 3.9 dipinda dan dinomborkan semula sebagai sub perenggan

		3.11, 3.12 and 3.13 masing-masing. Sub perenggan terdahulu 3.5, 3.6 dan 3.10 dinomborkan semula sebagai 3.9, 3.10 dan 3.4 masing-masing.
	5	Sub perenggan 5.3 (a) dan 5.3(b) dipinda.
	6	Sub perenggan terdahulu 6.1(a) dan (b) dinomborkan semula sebagai 6.1(a)(i) dan 6.1(a)(ii) masing-masing. Sub perenggan baharu 6.1(b), (c) dan (d) dimasukkan. Contoh 1 hingga 4 dipinda. Contoh baharu 5 dimasukkan. Contoh terdahulu 5, 6 dan 7 dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai Contoh 6, 7 dan 8 masing-masing. Sub perenggan baharu 6.3(b) dan (c) dimasukkan. Contoh 8 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 9. Contoh baharu 10 dimasukkan.
	7	Contoh 9 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai Contoh 11.
	8	Contoh 10 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 12.
	9	Contoh 11 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 13.
	10	Perenggan 10 dipinda. Contoh 12 terdahulu dipinda dan dinomborkan semula sebagai Contoh 14.

15. Penafian

Contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**